



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN ALAM SEKITAR**

TARIKH: 28 MEI 2023 (SELASA)

MASA: 9.00 PAGI

TEMPAT: DEWAN BAIDURI

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berusaha Dr.Norhazni Binti Mat Sari
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi);

Puan Hajah Mashitah binti Darus,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah EiMAS,
Pengarah-Pengarah JAS Negeri,

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun
2023

Seterusnya semua warga Jabatan Alam Sekitar yang dikasihi
sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama bertemu dan berhimpun di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar bagi tahun 2023, pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Menyusur garis masa, majlis sebegini jelas memperlihatkan kesatuan kita semua dalam merealisasikan hasrat Jabatan berdasarkan misi dan visi yang telah ditetapkan. Majlis sebegini merupakan salah satu cara Jabatan menzahirkan penghargaan kepada seluruh kakitangan yang telah menunjukkan kecemerlangan pada tahun lalu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

3. Penganjuran majlis tahun ini merupakan kali kedua dilaksanakan oleh Jabatan tanpa melibatkan Kementerian. Disini saya percaya dan yakin sekiranya ada kesungguhan, setiap yang kita rencanakan akan menjadi nyata dengan usaha yang berterusan. Begitu juga dalam melaksanakan

tugas sehari-hari, sudah pastinya akan ada kesukaran. Namun di sini saya menekankan betapa kita haruslah berfikir secara bijaksana dalam membuat sebarang keputusan dalam pelaksanaan pekerjaan kita sehari-hari. Kita haruslah melangkah setapak ke hadapan dalam mendepani cabaran dalam dunia tanpa sempadan serta isu-isu terkini ataupun '*emerging issues*' yang timbul pada masa kini.

4. Tambahan pula pada ketika ini, sebagaimana amanat Ketua Setiausaha Negara yang menyatakan bahawa terdapat indikator tertentu akan ditambah baik dalam penilaian kakitangan kerajaan di masa hadapan. Namun saya berpandangan sekiranya terdapat pertambahan indikator yang berbeza, ianya bukanlah satu masalah bagi setiap pegawai sekiranya kita memang telah memenuhi *standard* sebagaimana yang telah digariskan di bawah tanggungjawab masing-masing berpandukan Fail Meja dan MyPortfolio masing-masing.

Seluruh Warga Jabatan Alam Sekitar Yang Dikasihi,

5. Setiap orang sebenarnya memiliki potensi diri yang boleh diketengahkan, saya percaya biarpun Tuan/Puan tidak berada di dalam senarai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada hari ini namun begitu tidak bermakna Tuan/Puan tidak cemerlang. Cuma adakalanya rezeki kita datang dalam pelbagai cara yang perlu kita syukuri dalam kehidupan sehari-hari.

6. Saya juga amat berbesar hati sebagai Ketua Jabatan dapat diberikan kesempatan olehNya, untuk bersama-sama meraikan dan menyampaikan **Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada seluruh Warga JAS** yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada **112 penerima** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023 yang merangkumi **8 peratus** pengisian perjawatan di JAS Negeri, EiMAS dan Ibu Pejabat. Semoga pengiktirafan ini akan terus menyuntik semangat dan inspirasi kepada semua warga JAS untuk mengekalkan kecemerlangan, dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Jabatan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Sedikit perkongsian yang ingin saya bawa berhubung intipati teks ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia semasa perhimpunan Hari Pekerja yang lalu, beliau masih memberi penekanan berhubung perkara yang sama iaitu kepentingan tatakelola dan *good governance*. Mesej ini amat jelas dan selari dengan apa yang perlu diterapkan dalam perkhidmatan awam iaitu berhubung konsep MADANI yang berkait dengan soal ihsan, soal kemanusiaan dan karamah insaniah. Semua nilai-nilai ini perlu kita terapkan dalam pelaksanaan tugas kita seharian. Hal ini kerana di mana atau apa pun jawatan kita dalam melaksanakan tugas, kita mempunyai peranan masing-masing yang perlu digalas dengan amanah yang dipegang.

8. YAB Perdana Menteri juga turut berkongsi berhubung kedudukan Malaysia dalam Subindeks Kecekapan Kerajaan bagi kajian IMD World Competitiveness Yearbook yang telah meningkat pada kedudukan tangga ke-29 pada

tahun 2023, berbanding tahun sebelumnya yang hanya berada pada kedudukan ke-38. Beliau juga berharap seiring dengan iktizam kakitangan awam dalam menggalas tanggungjawab dan pimpinan penjawat awam, Malaysia akan berjaya meningkatkan kedudukan kepada kedudukan ke-20 dunia teratas dapat dicapai.

9. Justeru itu, amat penting sebagai penjawat awam untuk kita menerapkan nilai positif dan jangan memandang semua perkara dari sudut negatif dan merosakkan. Suka juga saya untuk mengingatkan kepada seluruh warga agar berusaha menyuntik dan menanam semangat ketekunan dalam bekerja. Bagi penerima APC pula haruslah berusaha untuk mengekalkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan. Ini kerana dalam menghadapi ekosistem pembangunan negara yang semakin mencabar dan kompleks, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan keupayaan berfikir dan membuat keputusan dengan cepat, tepat dan bijaksana.

10. Jelasnya di sini, kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada siapa yang berada di dalamnya. Pelbagai pendekatan dan perubahan yang ingin dibawa oleh Jabatan akan terletak pada warga di dalamnya untuk mencorakkan. Sumber manusia merupakan aset utama yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Sebagai Agensi Penguatkuasa saya sentiasa menekankan terhadap kepentingan dalam apa jua tugas yang dilaksanakan, adalah penting saudara-saudari melaksanakannya dengan penuh amanah dan berintegriti, serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan peribadi atau kepentingan pihak-pihak tertentu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

11. Akhir kata, sekali lagi **TAHNIAH dan SYABAS** saya ucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar bagi Tahun 2023. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan menjadi contoh kepada semua warga Jabatan yang lain dan memberi impak yang positif ke arah kecemerlangan Jabatan ini secara keseluruhan demi merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang akan mensejahterakan rakyat dan

memakmurkan negara selaras dengan nilai yang diterapkan dalam MALAYSIA MADANI.

12. Saya juga mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kerja penganjuran majlis pada hari ini yang berusaha keras merealisasikan majlis yang penuh bermakna ini.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima kasih.